



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 16 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PROGRAM WANITA DINAMIK CATAT IMPAK POSITIF DI SARAWAK		POSITIF
	https://thesun.my/berita/tempatan/program-wanita-dinamik-catat-impak-positif-di-sarawak/	THESUN.MY	
	https://utusanarawak.com.my/pogram-wanita-dinamik-beri-impak-besar-hampir-rm4-juta-bantuan-disalur-di-sarawak/	UTUSANSARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/bfokus/news.php?id=2491108	BERNAMA.COM	
	https://www.theborneopost.com/2025/11/15/advocacy-programme-out-to-empower-women-via-skills-training-entrepreneurship/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2491107	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/15/program-wanita-dinamik-catat-impak-positif-di-sarawak-nancy-shukri/	TVSARAWAK.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/dynamic-women-programme-empowers-sarawak-women-with-rm4-million-aid/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	'AWAK OKAY TAK?', KAUNSELING BERGERAK BANTU RAKYAT LEPAS TEKanan EMOSI		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/16/awak-okay-tak-kaunseling-bergerak-bantu-rakyat-lepas-tekanan-emosi	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/16/awak-ok-tak-goes-mobile-bringing-counselling-to-the-people	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BAYI DIPERCAYAI LAHIR DI TEMPAT LAIN SEBELUM DITINGGALKAN DEPAN TANDAS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1288103/bayi-dipercayai-lahir-di-tempat-lain-sebelum-ditinggalkan-depan-tandas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756823/berita/semasa/bayi-dipercayai-lahir-di-tempat-lain-sebelum-ditinggalkan-depan-tandas	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-ditemukan-dalam-tandas-diserah-kepada-jkm/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/bayi-tandas-lahir-tempat-lain/	THESUN.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/15/bayi-masih-bertali-pusat-ditemukan-depan-tandas	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-ditemukan-di-hadapan-tandas-rumah-kampung-di-sungai-dua-547662	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1288103/bayi-dipercayai-lahir-di-tempat-lain-sebelum-ditinggalkan-depan-tandas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-dipercayai-lahir-di-tempat-lain-sebelum-ditinggalkan-depan-tandas-547734	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/bayi-perempuan-ditemui-di-hadapan-tandas-rumah-kampung-sungai-dua/	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1315929/police-believe-infant-abandoned-sungai-dua-born-elsewhere	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/news/police-believe-abandoned-sungai-dua-infant-born-elsewhere/	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/15/police-believe-infant-abandoned-in-sungai-dua-born-elsewhere	THESTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=vMITvii8_Tg	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	OSC KESEJAHTERAAN SOSIAL PEMUDAH CARA KEPADA RAKYAT		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/osc-kesejahteraan-sosial-pemudah-cara-kepada-rakyat	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2491130	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/program-osc-bandar-tun-razak-mudahkan-akses-bantuan-kerajaan/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2491110	BERNAMA.COM	
	https://www.suarakeadilan.my/post/wan-azizah-platform-sehenti-mudahkan-rakyat-akses-bantuan	SUARAKEADILAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	GARIS PANDUAN KOMPREHENSIF DIBENTUK LINDUNGI KANAK-KANAK TANPA WARGANEGARA - TPM FADILLAH		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/garis-panduan-komprehensif-dibentuk-lindungi-kanakkanak-tanpa-warganegara-tpm-fadillah-547750	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/sukan/news.php?id=2491217	BERNAMA.COM	
	https://utusanarawak.com.my/garis-panduan-komprehensif-dibentuk-lindungi-kanak-kanak-tanpa-warganegara-tpm-fadillah/	UTUSANSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LEBIH 3,000 SERTAI LARIAN KELUARGA MALAYSIA 2025		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2025/11/1472038/lebih-3000-sertai-larian-keluarga-malaysia-2025	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/15/lebih-3000-peserta-meriahkan-larian-keluarga-malaysia-2025	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.edisi9.com.my/2025/11/larian-keluarga-malaysia-capai-sasaran-lebih-3000-peserta/	EDISI9.COM.MY	
	https://onetiger.com/lebih-3000-sertai-larian-keluarga-malaysia-2025/	ONETIGER.COM	
	https://suarasarawak.my/lebih-ramai-mangsa-berani-lapor-keganasan/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756785/berita/nasional/larian-keluarga-malaysia-2025-gegar-padang-merbok	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK 9 TAHUN DITEMUI LEMAS DI LOMBONG		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-9-tahun-ditemui-lemas-di-lombong/	BULETINTV3.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/15/kanak-kanak-meninggal-dunia-lemas-di-lombong/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar wanita di Kuching. (Fotografi: Pnu dan Jaja Tamadun, hari ini. - @BERNAMA)

Program Wanita Dinamik catat impak positif di Sarawak

The Sun Webdesk | Saturday, 15 Nov 2025, 2:38 pm



Program Wanita Dinamik bantu wanita Sarawak dengan bantuan modal RM500, capai nilai bantuan hampir RM4 juta sejak 2023

KAPIT: Program Wanita Dinamik terus memainkan peranan penting dalam memperkasa wanita dari segi ekonomi, khususnya golongan terkesan akibat kehilangan pekerjaan dan isu kekeluargaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata program itu mencatat impak positif dengan nilai keseluruhan bantuan mencecah hampir RM4 juta di Sarawak sejak dilancarkan pada 2023.

Beliau menjelaskan program itu diwujudkan selepas Kementerian mendapati banyak wanita tidak dapat keluar bekerja kerana perlu menjaga anak atau ibu bapa.

"Kami lihat banyak wanita tidak dapat bekerja kerana tanggungjawab menjaga keluarga," katanya pada Program Advokasi Kasih Wanita @ Kapit di Dewan Masyarakat Melayu, Kampung Muhibah.

Nancy yang juga Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara berkata mereka membantu wanita berniaga dari rumah dengan menyediakan modal RM500 tanpa memerlukan lesen.

"Ada yang membuat acar, menjahit, membuat biskut, terpolang kepada mereka."

Sebanyak 317 wanita dari Kapit menerima bantuan itu dengan jumlah keseluruhan RM158,500.

Beliau berkata semakin banyak wanita mampu meneruskan perniagaan dari rumah dan menjana pendapatan sendiri.

Program Wanita Dinamik turut digabungkan dengan inisiatif Kasih Wanita serta usaha kesedaran bertema Toleransi Sifar Keganasan terhadap wanita.

Mengulas mengenai Kempen Eliminasi Keganasan Terhadap Wanita yang disambut pada 25 Nov setiap tahun, beliau berkata Malaysia turut menyertai usaha global itu.

"Tahun lepas Kementerian bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk menyalakan jambatan dan bangunan termasuk KL Tower dengan warna jingga."

Tahun ini lebih banyak bangunan dan lokasi, termasuk di Sabah dan Sarawak akan mengambil bahagian.

Beliau menyeru semua pihak terutamanya wanita untuk memakai pakaian berwarna jingga pada tarikh itu.

"Kami mahu masyarakat menunjukkan solidariti sebagai tanda kami tidak menyokong keganasan terhadap wanita."

Beliau turut menarik perhatian kepada kewujudan Perkhidmatan Sokongan Sosial Setempat yang menyediakan akses kepada kaunselor.

"Ini adalah usaha kami untuk memberi kesedaran dan sokongan kepada mereka yang memerlukan," katanya. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Awak okay tak?', kaunseling bergerak bantu rakyat lepas tekanan emosi

2 HOURS AGO
Ane Muhamad

Yayasan Kebajikan Negara melalui Pusat Sokongan Sosial Setempat turun padang bagi mendekati rakyat yang menghadapi tekanan emosi dan kemurungan.



Barisan kaunselor Pusat Sokongan Sosial Setempat bersama Ketua Pengarah YKN Nordinia Haron atas trak kaunseling bergerak.

PUTRAJAYA: Satu soalan mudah 'awak okay tak?' kadang-kadang akan membuka ruang bagi seseorang bercerita dan melepaskan tekanan emosi. Namun, tidak semua berani bertanya atau tahu di mana mencari bantuan.

Bertindak atas kesedaran ini, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melalui Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) memperkenalkan kaunseling bergerak yang turun padang bagi mendekati rakyat yang menghadapi tekanan emosi dan kemurungan.

Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Nordinia Haron, berkata ramai individu memendam perasaan kerana malu atau takut datang ke pejabat kerajaan untuk mendapatkan bantuan kaunseling.



Ketua Pengarah YKN
Nordinia Haron.

"Ramai yang takut nak datang cari bantuan, terutama wanita yang jadi mangsa keganasan rumah tangga tapi bila nampak trak PSSS di bawah flat atau kawasan perumahan, mereka datang sendiri untuk bercerita," katanya kepada FMT ketika ditemui di Trak PSSS semasa Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan di Taman Wetland Putrajaya, baru baru ini.

PSSS beroperasi di lapan zon seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, menyasarkan kawasan awam seperti Institusi Pengajian Tinggi, sekolah, pasar, masjid dan perumahan rakyat.

Selain trak yang direka dengan konsep santai, PSSS mempunyai bas dilengkapi bilik kaunseling tertutup, dikendalikan oleh kaunselor bertauliah yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dengan jaminan kerahsiaan penuh.

Nordinia berkata, pendekatan bertemu rakyat itu untuk membantu golongan dewasa serta pelajar sekolah dan universiti yang terdedah kepada tekanan emosi akibat daripada pelbagai masalah.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 mendedahkan seramai sejuta atau bersamaan 4.6% penduduk berusia lebih 15 tahun mengalami isu kemurungan, lapor Harian Metro.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan dua kali ganda berbanding tahun 2019, dengan golongan berusia 16 hingga 29 tahun paling ramai mengalaminya. Tinjauan juga menunjukkan hampir separuh daripada jumlah itu berfikir untuk mencederakan diri sendiri atau membunuh diri.

Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak pula menyaksikan peningkatan daripada 7.9% pada 2019 kepada 16.5% pada 2023. Statistik menunjukkan satu daripada enam kanak-kanak mengalami masalah berkenaan.

PSSS jadi penghubung

Pusat Sokongan Sosial Setempat turut berperanan sebagai penghubung antara rakyat dan pelbagai agensi kerajaan, berdasarkan jenis aduan.

"Jadi kaunselor akan menyantuni mereka dan menghubungkan kepada langkah-langkah selanjutnya, sama ada nasihatkan untuk buat laporan polis atau ke hospital," katanya.

"Selain itu, mereka yang memerlukan bantuan kebajikan, seperti ada anak istimewa namun tak tahu di mana untuk daftar bagi dapatkan bantuan. Di PSSS kami akan bantu jadi penghubung."

Di sebalik usaha ini, Nordinia menegaskan betapa pentingnya menghapus stigma terhadap khidmat kaunseling dalam masyarakat demi kesejahteraan insan.

"Kita nak ubah persepsi itu. Dengan jumpa kaunselor kita rasa tenang, supaya tak simpan tekanan tu lama-lama. Kalau simpan lama boleh 'meletup'," katanya.

Katanya lagi, pendekatan 'awak okay tak?' yang digunakan dalam kempen YKN bertujuan membuka perbualan awal supaya ahli keluarga berani bertanya dan berkongsi masalah dengan lebih terbuka. Ini juga adalah sokongan kepada kempen 'Awak OK Tak?' yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bagi membantu meningkatkan kesejahteraan emosi masyarakat.

"Banyak isu yang berlaku bermula dari rumah, jadi ibu boleh tanya anak, suami boleh tanya isteri dan sebaliknya sama ada mereka okay atau tidak," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi dipercayai lahir di tempat lain sebelum ditinggalkan depan tandas

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Butterworth: Bayi perempuan yang ditemukan di [hadapan tandas](#) sebuah rumah kampung di Sungai Dua, di sini pada Khamis lepas dipercayai dilahirkan di tempat lain sebelum ditinggalkan di lokasi itu.

Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Azizee Ismail berkata siasatan dan pemeriksaan polis di tempat kejadian tidak menemukan sebarang kesan bayi itu dilahirkan di tandas atau kawasan berhampiran.

"Polis masih menjalankan siasatan lanjut termasuk mengesan ibu bayi tersebut dan mereka mempunyai maklumat diminta membantu," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Terdahulu, media melaporkan penemuan bayi yang masih bertali pusat itu oleh orang awam.

Bayi itu yang dibawa ke Hospital Seberang Jaya disahkan sihat dan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan susulan.

Disiarkan pada: November 15, 2025 @ 7:59pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



OSC Kesejahteraan Sosial memudahkan cara kepada rakyat

Nasional - Dicipta: 15 November 2025 04:12 PM



Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail/BERNAMA

KUALA LUMPUR, 15 November - Program Pusat Sehenti (OSC) Kesejahteraan Sosial yang menggabungkan 15 agensi kerajaan dan swasta bawah satu platform dilihat sebagai memudahkan cara kepada rakyat.

Ali Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, program diselenggarakan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) itu memudahkan akses kepada rakyat, maklumat dan peluang peningkatan sosioekonomi tanpa perlu melalui proses rumit dan berulang.

"Dengan adanya pusat sehenti ini, semua agensi datang sekali. insya-Allah kita dapat khidmat lebih baik, cepat dan bersepadu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Pusat Sehenti (OSC) Kesejahteraan Sosial dan Hari Bersama Komuniti (HBK) Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di ibu negara hari ini.

Pada masa sama, beliau turut menekankan pentingnya nilai keterangkuman, ehsan dan kerjasama seperti yang ditekankan dalam gagasan Malaysia MADANI.

Kerjasama antara kerajaan, swasta dan komuniti, merupakan kunci dalam memastikan rakyat daripada semua latar belakang dapat merasa perhatian dan perlindungan sewajarnya.

Program itu turut menampilkan peranan besar NADI di bawah MCMC, yang kini menjadi pusat penghubung digital untuk komuniti. Selain menyediakan capaian internet, pusat NADI juga menawarkan pelbagai latihan, kelas dan aktiviti bagi meningkatkan kemahiran digital serta jaringan sosial penduduk.

"Setakat ini, lebih 1.8 juta ahli NADI telah berdaftar dengan hampir 937,000 penyertaan dicatatkan daripada pelbagai program di seluruh negara. NADI ini bukan sekadar tempat internet. Ia tempat belajar, tempat membina kemahiran, dan ruang untuk memperkukuh jaringan sosial kita," katanya lagi.

Dalam majlis sama, beliau turut mengumumkan kejayaan besar apabila NADI Pulau Bangi, Sabah, diiktiraf di peringkat antarabangsa selepas memenangi World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2025 di Geneva bagi kategori Capacity Building.

Kejayaan itu disifatkan sebagai bukti keberkesanan model NADI dalam memperkasakan masyarakat luar bandar.

Program berkenaan juga menyaksikan penganugerahan sijil MyGAP kepada dua kebun komuniti di Sri Sabah 3A dan Sri Jaya 4A yang juga penerima insentif Sejati MADANI, dan antara komuniti terawal menerima pensijilan myGAP di Wilayah Persekutuan.

Pengiktirafan itu diberikan kepada komuniti yang mengamalkan pertanian selamat, berkualiti dan lestari sekali gus membantu meningkatkan ekonomi setempat dan kesihatan masyarakat.

Datuk Seri Dr Wan Azizah turut mengucapkan penghargaan kepada ICU JPM dan semua agensi pelaksana iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), GIATMARA, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Malaysia Productivity Corporation (MPC) atas usaha memastikan program itu mencapai matlamat kesejahteraan sosial.

Majlis itu turut dihadiri Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Datuk Azman Abidin, Ahli Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Prof Dr Mohamad Salmi Mohd Sohod, Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi dan Timbalan Ketua Pengarah ICU JPM Nik Shafiruddin Nik Shahar Shah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Garis panduan komprehensif dibentuk lindungi kanak-kanak tanpa warganegara - TPM Fadillah



Bernama

16/11/2025 | 05:00 MYT



Fadillah (tengah) bersama mereka yang menjayakan Persidangan Woman of Impact Sarawak di Auditorium Muzium Kebudayaan Borneo. - Foto BERNAMA

KUCHING: Kerajaan sedang merangka garis panduan komprehensif bagi memudahkan kanak-kanak tidak mempunyai warganegara tidak tersisih daripada akses pendidikan atau program pembangunan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata terdapat keperluan mencari penyelesaian menyeluruh terhadap isu kanak-kanak tanpa dokumen, terutama di Sarawak meskipun sebuah pasukan petugas diwujudkan sebelum ini.

Beliau berkata masih terdapat banyak perkara yang perlu diperhalusi termasuk aspek perundangan, garis panduan serta prosedur pelaksanaan bagi memastikan kanak-kanak yang lahir di negeri itu tetapi tidak didaftarkan daripada terus tersisih.

"Walaupun dilahirkan di Sarawak, ada anak-anak yang tidak mendapat atau tidak didaftarkan dokumen kelahiran.

"Usaha menangani isu itu penting kerana dalam apa keadaan sekali pun, tiada anak-anak yang akan tersisih dan tiada siapa tertinggal, terutama dalam pendidikan dan manfaat program kerajaan," katanya ketika berucap pada Forum Impak Wanita Sarawak 2025 bertemakan 'Memacu perubahan sosial' di sini pada Sabtu.

Mengulas mengenai garis panduan yang lebih jelas, Fadillah berkata beliau akan menyelaras semua kementerian dan agensi berkaitan bagi menyemak semula tindakan yang sedang dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan negeri.

"Apa yang bakal saya lakukan, pasukan petugas memang sudah ada tetapi saya akan memanggil semua kementerian dan agensi berkaitan supaya kami memahami apa yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri," katanya.

Forum sehari yang diadakan di Muzium Budaya Borneo itu menghimpunkan beberapa wanita pembuat perubahan paling memberi inspirasi di Malaysia bersama pemimpin negara dan penyokong masyarakat sivil.

Dianjurkan oleh Jawatankuasa Teras Wanita Berimpak (WOB), forum itu bertujuan mencetuskan perbualan yang jujur dan tindakan kolektif mengenai isu-isu yang membentuk kehidupan kelompok terpinggir termasuk kemiskinan, pendidikan, kebajikan haiwan, alam sekitar serta tekanan emosi yang sering dialami wanita dalam komuniti di mana-mana sahaja.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 3,000 sertai Larian Keluarga Malaysia 2025

Noor Atiqah Sulaiman - November 15, 2025 @ 12:06pm



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melepaskan peserta Larian Keluarga Malaysia (LKM) 2025 di Padang Merbok, Kuala Lumpur, hari ini. - NSTP/RAIHANA MANSOR

KUALA LUMPUR: Lebih 3,000 peserta menyertai Larian Keluarga Malaysia (LKM 2025) yang diadakan di Padang Merbok, di sini hari ini.

Program berkenaan untuk mengumpul dana tambahan Yayasan Keluarga Malaysia (YKM) bagi membantu 1,000 kanak-kanak di bawah naungan yaysan itu yang kehilangan ibu atau bapa atau keduanya akibat COVID-19.

Pengerusi YKM, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kanak-kanak itu akan dibantu sehingga mereka menjejakkan kaki ke universiti.

"Pihak yaysan menyediakan bantuan RM200 kepada penerima berusia 16 tahun ke bawah, manakala RM250 kepada mereka berusia 16 tahun ke atas.

"Semakin ramai penerima meningkat usia, maka perbelanjaan yaysan juga bertambah. Selain bantuan bulanan, kita turut menanggung keperluan pendidikan mereka sehingga ke peringkat universiti," katanya kepada media selepas program berkenaan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, pada tahun ini, LKM 2025 diadakan pada November selari dengan sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan bagi menyokong usaha kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membina keluarga bahagia.

"Kita berhasrat untuk meneruskan acara ini pada tahun hadapan sebagai usaha memupuk hubungan kekeluargaan antara kita semua," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak 9 tahun ditemui lemas di lombong

🕒 15 November 2025, 10:41pm



Lokasi lombong di Kampung Badlishah yang menjadi lokasi tiga kanak-kanak beriadah sebelum seorang daripadanya ditemukan lemas – FOTO Ihsan JBPM

Oleh: Zuliaty Zulkiffli

BANDAR BAHARU: Kanak-kanak berusia sembilan tahun ditemukan lemas ketika beriadah di kawasan lombong di Kampung Badlishah, Serdang bersama tiga rakannya, hari ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Serdang, Mohd Shahir Reza Ruslail berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu jam 1.13 petang.

Beliau berkata, sepasukan lapan anggota dari BBP Serdang yang diketuai Mohd Shukri Hasan ke lokasi.

“Setiba di lokasi, Komander Operasi memaklumkan mangsa berjaya diselamatkan bapanya sebelum pasukan tiba di lokasi.

“Mangsa ketika itu ditemukan tidak sedar diri dan diberi rawatan awal bantuan pernafasan (CPR) namun disahkan meninggal dunia oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang tiba di lokasi,” katanya.